

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang 1990/91

Oktober/November 1990

RPK 141 Penempatan Manusia

Masa : (3 Jam)

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat yang tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab EMPAT soalan. DUA dari Bahagian A dan DUA dari Bahagian B.

Bahagian A

1. C.A. Doxiades mengatakan bahawa petempatan manusia mempunyai dua unsur utama yang boleh dibahagikan kepada lima komponen kecil. Nyatakan unsur dan komponen tersebut dan bincangkan sama ada anda bersetuju dengan pendapat ini. Beri sebab untuk jawapan anda.
(25 markah)
2. Sejauhmanakah sistem dan aktiviti ekonomi mempengaruhi corak masyarakat dan penempatan manusia? Beri contoh yang sesuai untuk jawapan anda.
(25 markah)
3. Bagaimanakah teori penempatan pusat dapat digunakan dalam perancangan struktur penempatan. Dalam konteks manakah teori ini paling sesuai digunakan di negara sedang membangun.
(25 markah)
4. Dengan berpandukan kepada bacaan yang telah anda buat ke atas teori-teori yang berkaitan dengan penempatan manusia, pilih satu teori dan bincangkan proses perkembangan serta struktur dalaman sesebuah bandar. Sejauhmanakah teori ini dapat digunakan untuk bandar-bandar di negara ini?
(25 markah)

5. Jelaskan dengan ringkas strategi pembangunan penempatan manusia di Malaysia. Bincangkan sama ada strategi ini bersetujuan untuk masa depan negara ini khususnya dari segi sosio-ekonomi. (25 markah)

6. Proses pembandaran selalunya dicerminkan oleh kadar pertumbuhan penduduk bandar yang tinggi. Bila dibandingkan dengan Negara Dunia Ketiga lain, kadar pertumbuhan di Malaysia boleh dianggap sebagai sederhana. Terangkan punca kejadian ini dan bincangkan juga buruk-baiknya kepada masa depan negara. (25 markah)

- 00000000 -